

**TEKS UCAPAN
YDH INSPEKTOR JENERAL
TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR
KETUA POLIS NEGARA
DI PERBARISAN SEMPENA PERINGATAN
HARI POLIS KE-209
TAHUN 2016**

**PADA : 25 MAC 2016 (JUMAAT)
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : DATARAN KAWAD
PULAPOL KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.**

Yang Berusaha

Pengacara majlis

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia

Dan

Yang Amat Berbahagia

Datin Seri Rosmah Mansor

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Dan

Yang Amat Berbahagia

Datin Seri Hamidah binti Khamis

Yang Amat Berbahagia
Tan Sri Dr Ali Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
Dan
Yang Amat Berbahagia
Puan Sri Rohani Abdullah

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk Sri-Datuk Sri, Datin Sri-Datin Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, wakil-wakil media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir di majlis ini sempena Sambutan Peringatan Hari Polis ke-209 pada petang Jumaat yang mulia ini.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor di atas kesudian untuk bersama-sama warga PDRM pada petang ini bagi menjayakan sambutan Peringatan Hari Polis yang Ke-209 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur yang penuh bersejarah ini. Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah binti Khamis, dif-dif jemputan, serta seluruh hadirin yang sudi memeriahkan lagi sambutan majlis ini.

Pada kesempatan ini juga, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua mantan kepimpinan PDRM di atas segala jasa dan sumbangan yang telah mereka curahkan kepada pasukan. Sesungguhnya, peranan mereka sebagai penggerak utama dalam memimpin dan membangunkan PDRM di masa lalu telah melonjakkan institusi kepolisan ini sehingga ke tahap yang amat membanggakan pada hari ini. Pada masa yang sama, saya amat menyanjung tinggi sokongan padu dari warga polis di seluruh negara dalam mendokong misi dan wawasan pasukan selama ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pesara-pesara polis yang turut hadir bagi memeriahkan lagi sambutan pada hari ini. Perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan oleh para pesara polis sekalian amat-amat kami hargai. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan rakan-rakan pesara tidak akan dilupakan.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri serta para hadirin yang dihormati sekalian,

Tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh PDRM adalah amat berat. Apatah lagi dengan kepesatan perkembangan teknologi, pasukan polis terpaksa berdepan dengan cabaran-cabaran yang baru. Cabaran-cabaran ini turut menuntut PDRM untuk merubah corak pengurusan dan pengoperasian supaya dapat menyesuaikan peranan teras kepada situasi yang sentiasa bergerak maju. Ini termasuklah menggunakan segala sumber yang ada secara strategik bagi memastikan satu perkhidmatan yang profesional dan berkualiti dapat diberikan kepada masyarakat di samping memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keamanan sentiasa terpelihara.

Untuk itu, PDRM telah pun merangka dan sedang dalam proses pelaksanaan Pelan Strategik 5 Tahun PDRM bagi fasa 2015-2020. Pelaksanaan pelan ini diharap dapat merealisasikan agenda transformasi PDRM bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan hal-ehwal kebajikan warga PDRM.

Pelan ini juga merupakan panduan utama untuk PDRM terus melangkah ke hadapan secara sistematik dan lebih efisien melalui strategi-strategi yang penting dalam meneruskan hala tuju PDRM bagi mencapai "World Class Policing" menjelang tahun 2020 nanti, insyaAllah.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri serta hadirin sekalian,

Izinkan juga untuk saya menyentuh secara ringkas kejayaan PDRM sepanjang tahun 2015 sebagai makluman bersama.

Jenayah Indeks bagi tahun 2015 telah menunjukkan penurunan sebanyak 13,025 kes atau 10.1% berbanding Tahun 2014. Sebanyak 56,824 kes (49.2%) berjaya diselesaikan pada tahun 2015 berbanding 64,417 kes (50.1%) bagi tahun 2014. Manakala Jenayah Kekerasan secara keseluruhannya mencatatkan penurunan sebanyak 3,622 kes (-14.2%) pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Begitu juga dengan Jenayah Harta-benda yang turut mencatatkan penurunan sebanyak 9,403 kes (-9.1%) pada tahun 2015, berbanding tahun sebelumnya.

Dalam memerangi jenayah narkotik pula, PDRM telah merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai RM238.87 juta pada tahun 2015. Nilai rampasan ini meningkat 0.1% berbanding rampasan bernilai RM238.54 juta pada tahun 2014.

Sementara itu, jenayah komersil memperlihatkan peningkatan sebanyak 15.5% bagi tahun 2015 berbanding 2014, yang mana penyumbang utama kes Kes Tipu dan Pecah Amanah Jenayah.

Langkah-langkah pencegahan jenayah turut dilaksanakan melalui pelbagai bentuk program yang bertujuan mendekati masyarakat untuk mendapatkan keterlibatan dan kerjasama mereka. Melalui program keselamatan kejiranannya contohnya, setiap pegawai polis wanita di setiap balai adalah ahli AMANITA yang berperanan sebagai "Neighbourhood Safety". Mereka dipertanggungjawabkan untuk bertemu dan berkenalan dengan surirumah dan kaum wanita bagi membina hubungan dan keyakinan terhadap pihak polis di samping bekerjasama dalam membendung jenayah. Alhamdulillah, program ini telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan masyarakat.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri serta hadirin sekalian,

Antara ancaman terbesar terhadap keselamatan negara masakini adalah pergerakan kumpulan pengganas khususnya 'Islamic State' atau IS yang cuba mengubah dan membentuk acuan dunia ini mengikut fahaman dan perjuangan mereka.

Sepanjang tahun 2015, seramai 82 orang anasir IS telah ditahan yang melibatkan 73 daripadanya merupakan warga Malaysia. Jumlah ini jelas menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2014 yang menyaksikan 59 tangkapan dilakukan dengan 47 daripadanya adalah daripada warga Malaysia. Peningkatan tangkapan ini juga menunjukkan elemen IS semakin mendapat tempat di kalangan golongan sympathizer di negara ini.

Walau bagaimanapun, negara kita masih lagi selamat dari menjadi mangsa perbuatan ganas golongan ini hasil usaha PDRM melancarkan operasi pembanterasan yang berterusan.

Untuk tujuan tersebut, kita juga akan menggunakan segala peruntukan undang-undang bagi tujuan pencegahan dan tindakan terhadap pengganas-pengganas ini. Antara peruntukan tersebut termasuklah Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 atau POTA 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dan Kanun Keseksaan.

Dalam masa yang sama, kita juga akan terus menjalin kerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan dan NGO-NGO untuk memperkuatkannya lagi gerak kerja dalam memantau aktiviti mereka. Ini bagi mengelakkan masyarakat terutamanya anak-anak muda kita terpengaruh dengan gerakan atau ideologi sesat yang cuba diterapkan melalui pelbagai medium, termasuklah penggunaan media sosial.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri serta para hadirin sekalian,

Dalam melaksanakan pelbagai tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman negara, PDRM tidak lupa akan peranannya dalam membantu memelihara alam sekitar. Kami komited untuk mengamalkan Amalan Hijau dan mengaplikasikan Teknologi Hijau sebagai sebagai tanda sokongan kepada Dasar Teknologi Hijau Negara. Justeru, petang ini kita akan melancarkan Blueprint 2.0 Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM untuk tempoh pelaksanaan selama 5 tahun bermula tahun (2016 – 2020), di mana sasaran yang ditetapkan dalam Blueprint tersebut adalah selari dengan Rancangan Malaysia ke-11.

Untuk sambutan Hari Polis pada tahun ini, kita masih mengekalkan tema sebelumnya, iaitu “POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA”. Tema ini amat relevan kerana polis dan masyarakat sejurnya saling memerlukan. Sehubungan itu, saya menyeru kepada warga polis seluruhnya untuk sentiasa turun padang dan mendekati masyarakat. Selain dapat mengeratkan silaturahim, kita dapat memahami kehendak dan hasrat msayarakat agar perkhidmatan yang diberikan adalah sentiasa tepat.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, dif-dif jemputan serta hadirin sekalian, yang sudi menerima undangan kami untuk sama-sama meraikan tarikh keramat 25 March ini. Pada hari bertuah ini juga, kami seluruh warga PDRM ingin memperbaharui sumpah taat setia kami negara, dan berjanji untuk terus berjuang mempertahankan tanah watan yang tercinta ini engan seluruh jiwa dan raga kami.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima Kasih.